



TAJUK KHUTBAH

## HIKMAT PERKAHWINAN

Siri: 12/2013

10 Jamadil Awwal 1434H

*Bersamaan*

22 Mac 2013

DIKELUARKAN OLEH:

مجلس كرامات الرزاق عازت ما لا ورش عكروا  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا  
 رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَهُوَ الْحَلِيمُ الْقَدِيرُ، وَأَشْهَدُ  
 أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
 وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَنَصَرَهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ  
 عَلَيْكُمْ رَقِيبًا.

إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Pada hari Jumaat yang berbahgia ini, marilah kita terus meningkatkan sifat  
 ketakwaan kita kepada Allah swt dengan melaksanakan amalan soleh yang  
 diperintahNya dalam penuh rasa keimanan kepadaNya. Ikhlaslah segala niat  
 'ibadah kita kepada Allah swt, mudah-mudahan diterimaNya perbuatan baik kita  
 dan dijadikan SyurgaNya sebagai ganjaran bagi kita.

Sudah menjadi lumrah kehidupan, setiap makhluk yang dijadikan Allah swt itu  
 berpasang-pasangan, begitulah juga perihal manusia; ada lelaki dan juga  
 perempuan.

Firman Allah swt dalam surah Yasin ayat 36:

سُبْحٰنَ الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنْفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا



يَعْلَمُونَ

Yang Bermaksud:

"Maha suci Allah yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan, samada dari yang ditumbuhkan oleh bumi atau dari diri mereka sendiri ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya"

Namun begitu, setiap perhubungan di antara pasangan tersebut masih ada batasan sehinggalah pasangan tersebut bernikah. Pernikahan atau perkahwinan merupakan sunnah Rasulullah saw. Sabda Baginda saw :

النِّكَاحُ سُنَّةٌ فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي.

Maksudnya : "Perkahwinan itu adalah sunnahku, siapa yang tidak suka mengikut sunnahku maka bukanlah dia dari golongan umatku". (Riwayat Al Imam Ibnu Majah)

Menurut hukum Syara' ; perkahwinan atau pernikahan ialah suatu akad (Ijab dan Qabul) bagi menyatukan pasangan lelaki dan perempuan dalam satu ikatan bagi menghalalkan pergaulan dan persetubuhan menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Syara'.

### **Muslimin yang dirahmati Allah swt,**

Sesungguhnya, banyak hikmat dan faedah di sebalik perkahwinan yang dianjurkan oleh agama Islam yang mulia ini, antaranya:

Pertama: Bagi mengekalkan dan meneruskan zuriat keturunan manusia di muka bumi ini, seterusnya meramaikan umat manusia. Baginda Rasulullah saw amat berbangga dengan ramainya umat Baginda di Akhirat nanti.

Kedua; Untuk memelihara dan menjaga kehormatan diri kerana dengannya pandangan mata dapat dijaga dan maruah terpelihara.

Ketiga: Pernikahan membawa kebahagiaan dalam kehidupan dan menghasilkan rasa aman damai, berkasih sayang dan cinta mencintai.

Firman Allah swt dalam surah al-Rum, ayat 21;

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ  
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya : "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmatnya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri. Supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu suami isteri perasaan kasih sayang dan balas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir".

Keempat: Untuk menambah dan meramaikan kaum kerabat serta mengeratkan hubungan silaturrahim.

Kelima: Bagi menghindarkan seseorang dari melakukan maksiat.

## **Muslimin Yang Diberkati Allah Sekalian,**

Alhamdulillah, dewasa ini kita dapati kesedaran masyarakat kita tentang fungsi masjid semakin meningkat; ramai di kalangan kita yang melangsungkan majlis akad nikah keluarga mereka di masjid sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam.

Perkara tersebut adalah suatu amalan yang baik dan terpuji kerana kita telah menjadikan rumah Allah swt bukan sahaja untuk menunaikan ibadat khusus semata-mata, bahkan kita dapat memakmurkan masjid dan berupaya merebut fadhilat-fadhilat yang disediakan kepada pengunjungnya menerusi kegiatan kemasyarakatan yang lain.

Akan tetapi amat perlu diberikan perhatian, semasa diadakan majlis akad nikah berkenaan, kesemua pengunjung masjid termasuklah pasangan pengantin, ahli keluarga dan sahabat handai, hendaklah sentiasa menjaga akhlak, adab-perangai dan etika ketika berada di dalam masjid.

Mereka hendaklah hadir dalam keadaan menutup aurat, iaitu memakai pakaian yang sempurna, elok dan bersesuaian seperti tidak ketat dan tidak mengenakan pakaian yang memaparkan gambar-gambar yang tidak sesuai dengan kehormatan masjid.

Andai terdapat bakal pengantin perempuan atau mana-mana muslimat yang hadir berada dalam keadaan haid maka mereka diharamkan memasuki masjid.

Mereka yang hadir ke majlis tersebut seelok-eloknya menunaikan solat Sunat Tahiyatul Masjid sebelum duduk di samping berniat I'tikaf.

Para jemputan yang hadir hendaklah duduk secara berasingan antara lelaki dan perempuan. Apabila majlis bermula dan dibacakan khutbah nikah serta doa, para hadirin digesa agar mendiamkan diri dan memberikan sepenuh perhatian serta

tumpuan. Janganlah ada di kalangan hadirin hadirat yang membuat bising ketika berada di masjid, bergurau senda atau bercakap-cakap mengenai perkara yang tidak baik. Para ibu bapa dan penjaga juga hendaklah memastikan supaya anak-anak kecil mereka tidak berlari-lari dan membuat bising.

Muslimin yang dikasihi Allah Sekalian

Sesungguhnya keberkatan yang dicita-citakan bagi sesebuah perkahwinan adalah bermula dari seawal perancangannya. Justeru, janganlah majlisnya diisi dengan acara-acara yang menyalahi hukum syarak seumpama bentuk-bentuk hiburan yang melalaikan, nyanyian yang menaikkan nafsu, tarian yang mendedahkan aurat dan persandingan yang dipertontonkan kepada bukan mahram .

Sama-samalah kita berdoa semoga rumahtangga yang bakal dibina dan rumahtangga kita semua bahagia, harmoni dan sejahtera seperti yang kita idamkan iaitu rumahku syurgaku. Amin Yarrabal Alamin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا

لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Yang bermaksud :

"Dan juga mereka yang diredhai Allah itu ialah orang-orang yang berdoa dengan berkata: Wahai tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami, perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang mahu bertaqwa". (Surah al-Furqan:ayat 74)

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ  
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ، فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ، وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.

## KHUTBAH KEDUA:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ كُلِّهِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ: أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَىٰ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ عَآلَائِهِ وَنِعْمَائِهِ.  
إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ حَفِظْكُمْ اللَّهُ،

Marilah kita bersama dan bersepakat di dalam usaha menyerikan kehidupan berkeluarga kita, mempertingkatkan ketaqwaan dan keimanan kita kepada Allah swt, dengan menitik beratkan pelajaran dan pengamalan ajaran agama sebagaimana yang diajarkan menerusi sunnah Baginda Rasul saw, agar kejayaan di dunia ini akan dimiliki bersama, di samping kebahagiaan di dalam syurga Allah di akhirat kelak.

Di dalam memilih pasangan hidup bagi melayari bahtera kehidupan di sepanjang usia, janganlah sekali-kali dilupakan pesanan Baginda Nabi saw yang menasihati kita supaya mendahulukan sudut agama yang dimiliki oleh pasangan hidup agar menjamin kehidupan yang aman, tenteram dan berbahagia.

Sabda Nabi saw :



تُنكحُ المرأةُ لأربعٍ: لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا، فَاظْفَرُ بِذَاتِ الدِّينِ،  
تَرَبَّتْ يَدَاكَ.

Maksudnya : Biasanya dikahwini seseorang wanita kerana empat perkara ; sebab hartanya, keturunan, kecantikan dan agamanya, pilihlah wanita yang beragama nescaya kamu akan berbahagia”.

### **Sidang Jumaat Yang DiRahmati Allah Sekalian;**

Pada hari dan saat yang mulia ini seumpama ini, marilah sama-sama kita memperbanyakkan bacaan salawat dan salam kehadiran junjungan besar nabi Muhammad S.A.W sesuai dengan perintah Allah dalam al-Quran, surah al-ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Yang bermaksud:

“ Sesungguhnya Allah Taala dan para malaikatnya sentiasa berselawat keatas Nabi (Muhammad S.A.W), wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu keatasnya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan keatasnya dengan sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارَكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ بِدَوَامِ الْعَوْنِ وَالْهُدَايَةِ وَالتَّوْفِيقِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مِنْكَ يَا كَرِيمُ، مَوْلَانَا الْوَاتِقِ بِاللَّهِ سُلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ ابْنَ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ مَحْمُودِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى سُلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةِ سُلْطَانَةِ تَرَعَكَانُو. وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَذَوِيهِ وَأَقَارِبَهُ.

وَاحْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكَو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ سُلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاجْمَعْ  
 كَلِمَتَهُمْ عَلَى الْحَقِّ وَالِدِّينِ، وَدَمِّرِ الْكُفْرَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُنَافِقِينَ،  
 أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ، وَلَا  
 تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا، رَبَّنَا إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَحِيمٌ.  
 رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا  
 آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. وَصَلَّى اللَّهُ  
 عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.  
 عِبَادَ اللَّهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
 وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،  
 وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
 أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**Peringatan:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan, dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu adalah **DILARANG**.